

# KL, Jakarta sepakat selesai isu tertanggung

BG  
-10/11/2023  
m/s: 2

## Anwar, Jokowi setuju perbincangan belum diputuskan dimuktamad

Daripada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

di Jakarta



**Datuk Seri Anwar Ibrahim** dan Presiden Joko Widodo atau lebih dikenali sebagai Jokowi, sepakat mengukuhkan hubungan dua hala dan menyelesaikan beberapa isu membabitkan kedua-dua negara yang masih tertanggung. Ia merangkumi isu Tenaga Kerja Indonesia (TKI), Pekhidmat Domestik Indonesia (PDI), penyelarasan pengambilan pekerja dan persempadanan. Dalam pernyataan bersama dua pemimpin selepas pertemuan di Istana Bogor, semalam, Perdana Menteri dan Jokowi, setuju pelbagai perbincangan yang belum diputuskan, diselesaikan segera dan perjanjian ditanda-

tangani tahun ini. Dalam pertemuan itu, Anwar melahirkan rasa gembira serta terharu kerana beliau dan Jokowi dapat berbincang secara terbuka serta berlapang dada mengenai beberapa isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang menjadi keutamaan kepada Malaysia dan Indonesia.

Anwar berkata, Malaysia tidak mahu isu berkenaan terus berpanjangan yang menjejaskan usaha dua negara untuk mencapai kesepakatan demi kepentingan rakyat dan kedua-dua negara.

Katanya, sudah banyak mesyuarat dan rundingan diadakan, namun masih banyak yang belum diselesaikan dan Malaysia berharap ia dapat diputuskan dengan perjanjian.

Anwar memaklumkan kepada Jokowi, Malaysia sentiasa menghargai sumbangan TKI dan PDI kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia.

“Saya telah memberi jaminan kepada Presiden, bahawa Malaysia akan terus bekerjasama dengan Indonesia bagi memastikan pengambilan dan perlindungan PDI adalah berlandaskan undang-undang negara sedia ada.

“Dicadangkan supaya kedua-dua negara segera memulakan rundingan bagi menyemak semula Memorandum Persefahaman Penggajian Tenaga Kerja Indonesia (MoU TKI 2004) yang agak *outdated* (ketinggalan) pada



Anwar disambut dengan perbarisan kehormat sebaik tiba di Istana Bogor, semalam. Turut sama Jokowi. (Foto BERNAMA)

tahun 2023 supaya ia selari dengan perubahan semasa dari segi dasar, undang-undang dan peraturan kedua-dua negara” katanya.

Anwar berkata, pendigitalan sistem pengambilan dan penempatan pekerja sangat penting untuk mengurangkan karenah birokrasi dan penggunaan terlalu banyak agensi.

Beliau berkata, agensi pekerjaan perlu hanya menjadi sekadar pemudah cara dan tidak mengambil untung berlebihan hingga menekan pekerja.

“Penyelesaian masalah harus lebih menyeluruh supaya nasib pekerja di peringkat bawahan dapat dibela.

“Kita akan menghindari isu-isu yang boleh merenggang dan meretakan hubungan, kerana saya mahu hubungan Malaysia-Indonesia itu kekal istimewa,” katanya.

Kedua-dua pemimpin juga berbincang dan mengambil maklum berhubung kemajuan dalam rundingan isu sempadan darat dan

maritim di antara kedua-dua negara.

### Pergiat rundingan

Justeru, Anwar dan Jokowi bersepakat agar rundingan ini dipergiatkan untuk mencari penyelesaian segera agar kedua-dua pihak dapat meneruskan agenda pembangunan di kawasan terabit dan memelihara kedaulatan serta integriti wilayah masing-masing.

Mengenai kerjasama ekonomi, Anwar mengusulkan kepada Jokowi supaya pelabur Indonesia terus meningkatkan pelaburan di Malaysia dan mengalu-alukan penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) sektor swasta Malaysia dan Indonesia yang dimeterai ketika lawatan ini dengan jumlah projek dianggarkan bernilai RM1.16 bilion.

“Saya juga telah sampaikan minat mendalam Malaysia untuk turut serta dalam pembangunan Ibu Kota Negara (IKN) Nusantara.

“Malaysia bersedia berkongsi pengalaman dalam pembinaan Putrajaya dengan Indonesia. Saya percaya syarikat Malaysia mempunyai kepakaran bertaraf antarabangsa untuk bersama-sama membangunkan IKN Nusantara.

“Malaysia akan mencari jalan terbaik untuk memastikan pembangunan ibu negara baharu Indonesia juga dapat memberi manfaat kepada wilayah ekonomi di Sabah dan Sarawak,” katanya.

Perdana Menteri juga berkongsi kemajuan kerjasama dalam pembangunan berasaskan Tenaga Boleh Diperbaharui yang mana Sarawak Energy Berhad sedang aktif dalam membangunkan Mentarang Induk Hydroelectric Plant (MIHEP) dengan kerjasama syarikat Indonesia, PT Kayan Hydropower Nusantara.

“Saya difahamkan projek ini amat signifikan bagi menyokong Kawasan Perindustrian dan Pelabuhan Antarabangsa di Tanah Kuning, Kalimantan Timur,” katanya.